

GADIS S2

Nurul mahu bantu pesakit kanser payudara

Oleh MOHAMMAD DZULHISHAM
CHE HASSIM

TIDAK ramai yang seusia dengannya mempunyai azam dan ketabahan untuk menabur bakti serta membantu pesakit kanser payudara apabila menamatkan pengajian kelak.

Namun, bagi Nurul Shuhada Hashim yang umurnya baharu menginjak 21 tahun, ilmu yang dipelajarinya dalam program pengajian Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Biologi di Universiti Putra Malaysia (UPM) akan dimanfaatkan sebaik mungkin khususnya dalam mencari penawar penyakit kanser.

Dia yang kini berada di semester tiga pengajian berharap cita-citanya sebagai penyelidik kanser payudara akan tercapai

INFO

NURUL SHUHADA HASHIM

Nama panggilan: Nurul

Umur: 21 tahun

Asal: Jitra, Kedah

Adik beradik: Anak bongsu dari empat beradik

Hobi: Melukis dan aktiviti lasak

Cita-cita: Penyelidik kanser payudara

Makanan & minuman kegemaran:
Bihun sup, nasi tomato dan teh ais

agar ‘pembunuhan’ utama wanita itu dapat dibendung daripada terus menghantui setiap wanita di negara ini.

Menurutnya, ke arah mencapai matlamatnya itu, dia bercadang untuk menyambung

pengajian ke peringkat ijazah sarjana dalam bidang genetik tumbuhan di sebuah universiti di luar negara.

Anak bongsu daripada empat adik beradik itu sangat optimis dan menganggap bahawa kesempitan hidup bukan penghalang untuknya mencapai kejayaan dan yakin usaha keras adalah penentu kepada kejayaan seseorang.

“Saya berasal dari keluarga yang sederhana, tetapi saya begitu yakin bahawa usaha adalah tangga kejayaan dan setiap masalah perlu dijadikan kekuatan untuk terus memburu kejayaan.

“Ramai yang berputus asa kerana masalah keluarga, tetapi ia seharusnya menjadi pendorong kepada seseorang agar terus tabah dan bertekad

untuk mengubah nasib keluarga suatu hari nanti,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai matlamatnya untuk membantu penghidap kanser payudara, dia berkata biarpun tiada daripada keluarganya menghidap penyakit itu, namun daripada pembacaan, dia begitu memahami penderitaan yang dialami mereka.

“Penghidap kanser bukan sahaja berhadapan risiko kematian, malah daripada aspek psikologi, mereka mempunyai rasa rendah diri yang tinggi dan tidak yakin untuk berhadapan dengan masyarakat.

“Jadi, inilah peluang saya untuk mencari jalan penyelesaiannya kerana mencegah lebih baik daripada mengubati dan saya amat berharap suatu hari nanti akan

ada penawar yang mampu menyembuhkan penyakit ini dengan berkesan,” katanya.

Menurutnya, sebagai seorang wanita muda, dia begitu memahami dan boleh merasai penderitaan penghidap kanser payudara.

Nurul berkata, dengan kemajuan teknologi perubatan dan penyelidikan, dia pasti suatu hari nanti akan menemui vaksin yang dapat membantu wanita menangani penyakit tersebut.

Tambahnya, masyarakat terutamanya keluarga dan orang tersayang seharusnya sentiasa berada di sisi pesakit untuk memberi sokongan serta menggembirakan mereka yang mana ia mampu memberikan kekuatan kepada pesakit untuk berjuang meneruskan hidup.

